

07 JANUARI 2015

R & R machap transit dadah

R&R Machap transit dadah

KLUANG - Tindakan berani seorang lelaki menjadikan kawasan hentian rehat dan rawat (R&R) Machap arah Utara dekat sini, lokasi transit mengambil bekalan dadah sebelum diedarkan ke pasaran menjeratnya.

Ketua Polis Daerah Kluang, Asisten Komisioner Mohamad Laham berkata, sepasukan polis dari Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kluang, bertindak menahan seorang lelaki berusia 28 tahun di Kilometer 74.5 Lebuhraya Utara Selatan arah Utara dekat Machap, kira-kira jam 9.30 pagi, Isnin lalu.

Menurutnya, hasil tangkapan itu, pihaknya merampas empat paket plastik berisi dadah jenis heroin dengan anggaran berat kasar 1.824 kilogram dengan harga pasaran kira-kira RM63,846.

Beliau berkata, polis juga menggeledah kediaman suspek di Batu Pahat dan merampas dua kereta iaitu Honda Accord dan Perodua Myvi.

Selain itu, turut dirampas barang kemas bernilai RM5,000 dan wang tunai



Mohamad (tengah) menunjukkan paket lutsinar berisi heroin yang diperolehi daripada suspek di R&R Machap arah Utara.

berjumlah RM20,947 dengan jumlah keseluruhan dianggarkan kira-kira RM180,947.

"Anggaran berat dadah yang dirampas itu dipercayai mampu menampung kegunaan 6,000 penagih.

"Polis juga mendapati, suspek mengambil dadah daripada seseorang dan akan diedarkan ke kawasan Ayer Hitam, Parit Raja dan sekitar Batu Pahat. Suspek yang berasal dari Batu Pahat itu bergiat aktif dalam jenayah ini lebih ku-

rang enam bulan," katanya pada sidang media di IPD Kluang, semalam.

Mohamad berkata, harta yang dirampas polis akan disita berikutan ia diperolehi daripada hasil aktiviti pengedaran dadah.

Menurutnya, suspek akan disiasat di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya (ADB) dan sekiranya sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman mandatori gantung sampai mati.